

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

03 FEB 2017

JUMAAT



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	'ORANG BAIK JUMPA ACHIK'	2
HARIAN METRO	CEMAS ANAK LEMBAM HILANG 10 JAM	3



# SINAR HARIAN

04 3/2/17

## 'Orang baik jumpa Achik'

Wanita cerita detik cemas ketika anak OKU hilang dari rumah lebih 10 jam

AZIZAN INCHE HARUN

**PASIR GUDANG** - Tak kering air mata ibu apabila anak kurang upaya (OKU) yang ditinggalkan di rumah bersama suami, tatkala dia keluar mencari rezeki tiba-tiba dimaklumkan hilang kira-kira jam 3 petang kelmarin.

Mujurlah, remaja OKU kategori masalah pembelajaran itu ditemui seorang lelaki, sedang berkeliaran di Terminal Bas Larkin sebelum menghubungi keluarga berkenaan selepas berita mengenai kehilangannya tular di media sosial sejak malam kelmarin.

Ibunya, Siti Julia Saman, 45, berkata, dia dihubungi seorang lelaki kira-kira jam 1 pagi semalam mengenai anaknya, Muhammad Nizam Azhari atau dipanggil Achik, 14, yang telah dihantar ke

Hospital Sultan Ismail (HSI) selepas diserang sawan.

Menurutnya, perasaannya cukup lega sebaik bergegas ke HSI dan mendapati anaknya dalam keadaan baik sedang menerima rawatan akibat sawan yang dihadapinya.

"Achik jarang bermain kat bawah blok, tapi semalam (kelmarin) boleh pula dia turun dari rumah di tingkat dua.

"Merata saya bersama suami mencari Achik sehingga tidak boleh tidur lena memikirkan keselamatan dia yang tidak sempurna seperti remaja lain," katanya yang ditemui pemberita di rumahnya di Taman Cendana, di sini, semalam.

Siti Julia berkata, Achik kelihatan agak letih selepas dibenarkan keluar dari HSI kira-

kira jam 6 pagi semalam.

Menurutnya, kehilangan itu merupakan kali kedua berlaku selepas kali pertama terjadi ketika Achik berumur enam tahun, tetapi ditemui semula dalam tempoh sejam di Taman Scientex.


"Saya tak pasti macam mana Achik boleh sampai ke Larkin, tapi sangat bermasib baik dia ditemui oleh orang baik yang sanggup menghubungi ambulans selepas diserang sawan.

"Saya nak ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menyebarkan berita di laman sosial sehingga anak saya ditemui semula.

"Dan terima kasih yang tidak terhingga kepada individu yang menjaga dan memberi makan anak saya sehingga dia berada dalam keadaan selamat," katanya.



Siti Julia lega Achik ditemui selamat.



# HARIAN METRO

**Johor Bahru:** "Dalam hati saya cuma berdoa janganlah ada orang jahat culik dia," kata Julia Saman, 45, ketika menghadapi detik cemas kehilangan anak orang kurang upaya (OKU) hampir 10 jam sejak petang kelmarin.

Bagaimanapun, Julia bersyukur apabila Muhammad Nizam Azhari, 16, yang mempunyai masalah lembam ditemui seorang lelaki di Terminal Bas Larkin di sini dan segera membawanya ke Hospital Sultan Ismail (HSI) kerana diserang sawan.

"Lelaki tidak dikenali itu telefon saya jam 1 pagi memberitahu dia jumpa anak saya diserang sawan dan berada di HSI.

"Lelaki itu mengatakan dia mendapat nombor telefon saya dari Facebook selepas kehilangan anak saya menjadi heboh di media sosial," katanya ketika ditemui semalam.

Muhammad Nizam atau panggilan mesra Achik dikatakan hilang sejak jam 3 petang kelmarin selepas dipercayai bermain di bawah flet kediamannya di Taman Cendana, Pasir Gudang.

Julia berkata, ketika kejadian, Muhammad Nizam ditinggalkan bersama bapa-

## Cemas anak lembam hilang 10 jam

HM 3/2/17

**JULIA bersama Muhammad Nizam di rumahnya di Taman Cendana, Pasir Gudang.**



nya yang bekerja pada waktu malam.

"Saya terperanjat apabila suami beritahu anak hilang kira-kira jam 6 petang ketika saya bertugas di pondok pengawal sebuah sekolah

kebangsaan di Pasir Gudang.

"Apabila yakin Muhammad Nizam hilang, jiran memuat naik status di media sosial dan menghebahkan kejadian itu," katanya.

